



كوڤراسي فڪرجا ۲ جابتن ڦردان منتري (م) برحد

**KOPERASI PEKERJA-PEKERJA
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
BERHAD**

**PERATURAN
SKIM-SKIM PEMBIAYAAN/PINJAMAN**

T. 02-U-03-2, No. 1, Jalan P9E/1, Precinct 9, 62250 Putrajaya

Tel: 03-8889 4191 Fax:03-8889 4204

Laman web: www.koopjpm.org.my

Nama Peraturan ini dinamakan Peraturan Skim Pembiayaan / Pinjaman Koperasi Pekerja-Pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad yang dibuat di bawah undang-undang kecil 8(1) (a), 8(2) dan 8(3) dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar. Takrif Di dalam peraturan skim pembiayaan/pinjaman ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain “Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang di buat kepadanya dan masa ke semasa.

“Peraturan” ertinya Peraturan Koperasi 1995 dan pindahan-pindahan yang dibuat kepadanya dan masa kesemasa. “Undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi Pekerja-Pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad (selepas ini dikenali sebagai KOOP JPM) yang didaftarkan pada 27 Jun 1998 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dan masa kesemasa.

“Anggota Lembaga” adalah seseorang yang dilantik mengikut perkara 33 undang- undang kecil KOOP JPM. “Peraturan skim pembiayaan/pinjaman” ertinya peraturan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi dan masa kesemasa bagi melaksanakan skim pembiayaan atau kemudahan kredit, tertakluk kepada peruntukan - peruntukan Akta. Peraturan, Undang-undang kecil dan kelulusan Mesyuarat Agung.

Permohonan skim-skim Pembiayaan / Pinjaman

(1) Seseorang anggota yang telah menjadi anggota selama 6 bulan berturut-turut berhak mendapat kemudahan tersebut kecuali dengan alasan yang khas dan dengan kebenaran Anggota Lembaga Koperasi, bolehlah diberi kemudahan tersebut dalam masa lebih awal.

(2) Seseorang anggota yang hendak menggunakan kemudahan hendaklah membuat permohonan dalam borang yang disediakan oleh KOOP JPM. Borang permohonan itu hendaklah sempurna diisi dengan butir-butir yang diperlukan, jika tidak permohonan itu tidak dipertimbangkan.

(3) Jika perlu, anggota itu hendaklah hadir pada masa Mesyuarat Jawatan kuasa Pembiayaan / Pinjaman sewaktu permohonannya hendak dipertimbangkan dan hendaklah anggota itu bersedia menjawab segala pertanyaan-pertanyaan mengenainya.

(4) Seseorang anggota yang masuk semula menjadi anggota, tidak berhak mendapat

pembiayaan / pinjaman sehingga 6 bulan kecuali dengan kebenaran khas Anggota Lembaga Koperasi.

(5) Seseorang anggota itu juga mestilah mempunyai jumlah modal yuran dan model syer (disatukan) yang bersamaan atau lebih dengan sepuluh peratus daripada jumlah pembiayaan/pinjaman yang dipohon. Walaubagaimana pun syarat ini boleh dipenuhi selepas permohonan diluluskan.

Anggota Lembaga Koperasi boleh memberi kuasa kepada Jawatankuasa kecil mengikut Undang-undang kecil perkara 43 (V) bagi menimbang dan meluluskan permohonan pembiayaan / pinjaman dan anggota-anggota.

Jenis-jenis skim Pembiayaan/Pinjaman

5.1 Skim Pembiayaan Peribadi Bai al-Inah

5.2 Skim Pembiayaan Al-Murabahah

5.3 Skim Pinjaman Al-Qardhul Hassan

Bayaran Balik Bayaran balik Pembiayaan / Pinjaman adalah melalui potongan gaji ANGKASA atau lain-lain jenis potongan yang diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi. Penangguhan Ansuran Dalam keadaan luar biasa, anggota lembaga Koperasi boleh membenarkan penangguhan atau mengurangkan ansuran sebarang pembiayaan / pinjaman dengan syarat persetujuan bertulis daripada penjamin-penjamin di terima dan kos perkhidmatan yang sesuai dikenakan.

Menolak Pembiayaan / Pinjaman KOOP JPM melalui Jawatankuasa kecil atau sesiapa yang diberi kuasa, berkuasa menolak sebarang permohonan untuk menyertai skim- skim pembiayaan / pinjaman anggota atau sebagai penjamin tanpa memberi apa-apa alasan dan anggota tidak boleh menuntut di beri skim-skim pembiayaan / pinjaman sebagai satu hak.

Skim-skim Pembiayaan / Pinjaman diminta bayar dengan serta merta. Skim-skim pembiayaan / pinjaman lazimnya hendaklah di bayar serta merta bersama dengan bayaran perkhidmatan/keuntungan tanpa menghiraukan syarat-syarat skim pembiayaan / pinjaman itu diberikan mengikut keadaan berikut.

a) Jika anggota yang menikmati skim pembiayaan/pinjaman itu berhenti menjadi anggota

KOOP JPM.

b) Jika salah seorang daripada penjamin tidak berhak menjadi penjamin dengan apa jua sebab dan si peminjam tidak dapat menggantikan penjamin yang lain.

c) Jika skim pembiayaan/pinjaman disalahgunakan.

d) Jika bayaran ansuran tersebut tidak dijelaskan lebih daripada 3 bulan secara berturut-turut.

e) Jika kedudukan sipeminjam mendatangkan kekhuatiran

Had Jumlah Tanggungan Had jumlah tanggungan anggota yang meminjam dan menjamin adalah sama Had Maksima Pembiayaan dan Pinjaman Had maksima bagi semua pembiayaan dan pinjaman adalah RM 30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga puluh ribu sahaja) tertakuk kepada peraturan-peraturan lain yang dikuatkuasakan atau yang kemudian dikuatkuasakan Anggota tidak boleh berhenti sehingga jelas pembiayaan pinjaman.

Apabila seseorang anggota menggunakan skim-skim pembiayaan / pinjaman atau sebagai penjamin kepada anggota lain dia hendaklah mengaku tidaic akan berhenti daripada menjadi anggota sehingga pembiayaan I pinjaman itu dijelaskan sepenuhnya. Pembiayaan/pinjaman Lekas di bayar balik. Anggota yang menggunakan skim-skim pembiayaan / pinjaman bolehlah membayar baiik kesemua sekali atau sebahagian danpada pembiayaan / pinjaman pada masa yang terdahulu dari tarikh pembiayaan / pinjaman itu mesti dibayar.

Mendapatkan Balik Pembiayaan / Pinjaman Yang Tidak Dijelaskan

a) KOOP JPM dengan serta merta boleh menuntut bayaran ansuran pada tarikh matang menurut syarat-syarat di dalam perjanjian pembiayaan / pinjaman. Sekiranya ingkar, tindakan sewajarnya akan diambil untuk mendapatkan baki yang berhutang dan segala kos perbelanjaan yang terlibat akan ditanggung sepenuhnya oleh peminjam.

b) KOOP JPM juga boleh membuat tuntutan kepada penjamin-penjamin Pertikaian Berkaitan Kaedah dan syarat-syarat Skim-Skim Pembiayaan/Pinjaman Jika terdapat sebarang pertikaian berkaitan kaedah atau syarat-syarat Skim Pembiayaan / pinjaman sama ada yang bertulis atau tidak, termasuk kaedah dan syarat-syarat yang dikenakan atau dilaksanakan dan masa ke semasa. Mesyuarat Anggota Lembaga KOOP JPM adalah mempunyai kata pernutus. Peraturan Pembiayaan